



**MOHD. FAUZI RAMLY**

## Fauzi teruskan kecemerlangan UPM

NAIB Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM) yang baharu, Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramly berazam mengekalkan legasi kecemerlangan universiti tersebut.

Beliau yang dilantik memegang jawatan itu berkuatkuasa 1 Januari lalu juga mahu terus meletakkan UPM di landasan yang kukuh di samping menambah baik kajian terhadap isu dan cabaran kecukupan makanan dalam konteks negara dan global.

Menurutnya, di bawah kepimpinan Naib Canselor terdahulu, UPM telah berada dalam satu landasan yang kukuh dan buktinya berjaya melahirkan ramai pelajar lulusan ijazah kedoktoran (PhD).

Selain itu katanya, pengiktirafan masyarakat antarabangsa terhadap UPM sebagai salah sebuah universiti terkemuka juga merupakan kejayaan terbesar diraih pusat pengajian tinggi berkenaan.

“Adalah menjadi tanggungjawab saya untuk terus mengekalkan legasi kecemerlangan ini agar UPM berada di tahap yang lebih tinggi dan cemerlang,” katanya selepas Majlis Serah Tugas Naib Canselor UPM di universiti itu, baru-baru ini.

Yang hadir sama, bekas Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Radin Umar Radin Sohadi yang bersara awal akibat masalah kesihatan.

Pemilihan Mohd. Fauzi sebagai Naib Canselor UPM berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi serta mengambil kira pengalaman akademik, penyelidikan, kepakaran dan pengalaman memegang jawatan Timbalan Naib Canselor sebelum ini.

Sementara itu, Radin Umar berharap Mohd. Fauzi akan mehgalas jawatan itu dengan penuh tanggungjawab agar UPM terus berada di tahap yang tersendiri.